

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik disana sini. Kepada siapa yang meminatinya silalah pula menyuntingnya.

Kemalangan jalan raya:

Surat khabar di Itali telah menyebarkan sebuah berita mengenai seorang pemuda yang melanggar seorang pemudi dengan motokarnya ketika pemudi itu menyeberang jalan raya. Sesudah pemudi itu sembuh dari luka-luka akibat dari pelanggaran tersebut, dia pun memberi “kata dua” kepada pemuda itu iaitu sama ada membicarakannya di hadapan mahkamah ataupun bertindak mengkahwininya. Pemuda itu telah memilih jalan yang paling baik untuk menyelesaikannya iaitu mengkahwininya.

Manakala berita itu terbaca oleh mendiang “Bernard Shaw” salah seorang pujangga inggeris yang terkenal, dia pun memmbuat ulasan dengan katanya:

Kalau cara begini diperlakukan oleh umum, nescaya para pemuda dan orang bujang akan berkuranganlah kegilaan-kegilaannya dalam menjalankan motorkar mereka. Dan akan menyebabkan pula berkurangnya kemalangan-kemalangan kereta di jalan raya.”

* * *

Kapitalis dan Sosialis:

Salah seorang wanita yang terkenal kecenderungannya di dalam menganut faham “sosialis” pada suatu hari telah menghulurkan buku “autografinya” kepada bekas Perdana Menteri British Sir Winston Churchill

ketika beliau melawat ke Brazil Belgium, supaya orang besar itu menurunkan tandatangannya dan memberikan sepatah dua kata untuk menjadi kenang-kenangannya.

Churchill telah menulis di dalamnya seperti berikut:

“Keburukan faham kapitalis itu ialah pada caranya membahagi-bahagikan kekayaann” sedang kebaikan faham sosialis pula ialah pada caranya membahagi-bahagikan ((kesengsaraan)) dikalangan rakyat dengan sama rata.”

* * *

Sindiran yang tajam:

Ketika sedang hangat berlakunya perbincangan dalam Dewan Parliament Inggeris, ((Lady Astor)) seorang wanita yang pertama sekali menjadi Ahli Parliament dalam sidang tersebut telah merasa jengkil, kerana semua anggotanya terdiri dari lelaki kecuali dia seorang sahaja perempuan, nampaknya kebanyakannya telah berpakat mengeroyokannya dengan kata-kata yang berupa serangan atau ejekan.

Kerana terlalu jengkil wanita itu telah menyindir mereka dengan sindirin yang tajam dengan katanya: “Saya memang faham betul dengan resmi budak-budak itu.”

Dijawab oleh salah seorang anggota parliament yang lain dengan katanya: “Memang benar! Kerana puan banyak mempunyai anak-anak.”

Dia pun segera membalas: “ Bukan, yang sebenarnya saya ini tiap-tiap hari menghadapi 600 orang budak-budak di dalam Parliament.”

* * *

Tiga macam ahmak dipunyai oleh lelaki:

Ahmak yang pertama: Dipanjatnya pohon untuk memetik buahnya. Walhal kalau dia bersabar menunggu dalam beberapa waktu, akan gugur sendiri buah itu bergolek di kakinya.

Ahmak yang kedua: Dia pergi ke medan perang, masing-masing berbunuh-bunuhan mencari maut. Walhal kalau mereka bertahan sahaja dengan menunggu, masing-masing akan mati secara tabi'i.

Ahmak yang ketiga: Iaitu yang paling melampau. Diburu dan dikejanya kaum wanita kesana kemari dengan tidak berhati-hati. Walhal kalau dia bertangguh dalam tempoh yang agak cukup, akan berkejaranlah wanita kepadanya ingin mendampinginya.

* * *

Raja ((Louis kesebelas)) dengan Ahli Nujum:

Seorang ahli nujum dizaman Raja Louis ke-sebelas memerintah Negeri Perancis- pada suatu hari telah menelah (meramalkan) kematian seorang perempuan walhal perempuan itu diasyikki oleh raja.

Benarlah, tak berapa lama kemudian perempuan itupun mati – tepat dengan ramalan ahli nujum itu. Dengan



Rombongan Perwakilan Kerajaan Syria yang baharu-baharu ini mengunjungi Kaherah untuk merundingkan mengenai penyatuan Syria dengan Menteri Mesir Ali Sobri (ditengah-tengah), dikanannya Brigadier Ziad al- Hariri dan nombor dua dari kiri Mejar General Lu'ay al- Atassi.

(Ketua Rombongan Kerajaan Syria)

kematiaannya, menyebabkan raja bersusah hati dan dia berniat hendak menghukum ahli nujum yang pandai meramalkan peristiwa yang sial itu, iaitu sebuah menara yang tinggi di istananya.

Ahli nujum itu dipanggillah ke balai penghadapan dan raja berkata kepadanya: “Hai Ahli nujum! Engkau mendakwakan pandai menelah perkara yang ghaib. Cuba engkau telahkan apa yang akan berlaku ke atas dirimu?”

Ahli nujum yang cerdas itu fahamlah sudah akan niat buruk raja itu, kerana sedikit sebanyak ia



Penduduk Kirkuk terdiri dari tiga bangsa iaitu Arab, Turkmen dan Kurdi, masing-masing masih berpegang teguh dengan adat dan kebudayaannya dalam cara berpakaian dan bertutur kata, tetapi orang Turkmenlah yang bergaul rapat dengan orang-orang Arab sehingga telah banyak yang berkahwin dan bersemenda sesama mereka. Gambar diatas menunjukkan anak-anak muda bangsa Turkmen kelihatan masih teguh memegang adat dan kebudayaannya dalam berpakaian sehingga jelas perbezaannya itu dikalangan penduduk Kirkuk.

tahun peristiwa yang sudah berlaku beberapa hari yang lalu. Maka dijawabnya dengan tidak teragak-agak lagi dengan katanya: “Ampun tuanku! Mengikut ramalan saya, saya telah ternampak dalam suratan takdir, bahawa saya ini akan mati sebelum kematian Duli Yang Maha Mulia Tuanku selang tiga hari sahaja”.

Mendengar itu raja pun tak jadi membunuhnya, malah dialah orang yang paling dipentingkan supaya dijaga keselamatan nyawanya.

* * *

Nasihat secara undang-undang:

Seorang tukang daging telah mendatangi seorang

peguam di pejabatnya untuk bertanya: “kalau seekor anjing mencuri daging dari warung saya, adakah tuan punya anjing itu bertanggungjawab?”

Peguam itu telah menjawab: “sudah barang tentu!”

Tukang daging itu pun berkata: “Nah, kalau begitu anjing tuan tadi baharu lima minit menggondol sepotong daging kepunyaan saya kira-kira harganya seringggit.”

Dijawab oleh peguam itu dengan tersenyum: “Saudara bayar sahajalah seringggit yang lain. Dengan demikian bererti belanja kepenatan saya memberi ((nasihat secara undang-undang)) ini telah saudara jelaskan”.

* * *

Wanita:

Tiga orang failasuf telah bertemu... masing-masing memperkatakan tentang wanita.. kata yang pertama: “wanita kalau berpakaian tujuannya kerana hendak menyukakan hati lelaki.”

Yang kedua berkata: “sebaliknya wanita kalau berpakaian kerana hendak menyakitkan hati wanita-wanita yang lain.”

Kemudian berlakulah pertengkaran antara kedua, sehingga orang yang ketiga pun turut bercakap dengan katanya: “pendapat kamu berdua sama-sama benarnya. Memang wanita itu kalau berpakaian kerana hendak menyukakan hati lelaki, dengan demikian dia telah menyakitkan hati wanita-wanita yang lain.”

* * *

Mati atau hidup:

Pada suatu masa Arsatu telah berkata: “Sebetulnya mati dan hidup itu keduanya sama sahaja.”

Orang pun berkata kepadanya: “ Kalau sudah begitu...mengapa tuan tidak membunuh diri sahaja biar mati?”

Dia pun menjawab: “ Saya cuma mengatakan keduanya sama sahaja. Saya tidak mengatakan mati lebih baik dari hidup.”

* * *

Dua ekor burung:

Seorang pemikat telah dapat menangkap beberapa ekor burung. Tiap-tiap burung yang telah dipikatnya dimasukkannya didalam sangkarnya. Kebetulan hari itu berangin kencang, maka berterbanganlah debu-debu memasuki matanya yang menyebabkan si pemikat itu berlinang-linang air matanya. Kata seekor burung kepada kawannya: Nampaknya orang itu sangat kasihan kepada kita. Engkau lihatlah air matanya berlinang-linang.

Kawannya menjawab: Engkau jangan melihat air mata yang berlinang dari matanya tetapi lihatlah kerja yang dilakukan oleh tangannya.

* * *

Di masa hadapan dan di masa yang lalu:

Dua sejoli berjumpa ditempat menari. Si pemuda mengajak pasangan itu untuk menari, tetapi si

pemudi telah enggan. Pemuda itu pun mendesak untuk mengetahui apa sebabnya pemudi itu enggan.

Dia menjawab: “Saya tidak akan menari melainkan dengan lelaki yang mempunyai harapan dimasa hadapan.”

Pemuda itu menyambut jawapan itu dengan tersenyum sahaja. Sebaliknya pemudi itu telah bertanya pula.

“ Mengapa pula saya yang saudara hajati benar untuk diajak menari?”

Pemuda itu makin lebar senyumnya, sambil tersipu-sipu ia menjawab: “Kerana saya ingin hendak menari dengan wanita yang mempunyai cerita di masa yang lalu.”

Buku-buku Pelajaran

Surat Menyurat (Jawi)	1.80\$
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis	
Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Ma'mum, Masbuq	
dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20

Pesanan tambah 10 sen belanja post

- sambungan dari muka 30 -

– Sesuai dengan sabda Nabi (SAW) yang berbunyi:

Kullu al-muslim 'ala al-muslim harām damuhu wamālahu wa 'irrduhu.

Yang ertinya: ((Tiap-tiap seorang muslim terhadap seorang muslim yang lain, haram mencerooboh darahnya, hartanya dan kehormatannya.))

(4) Kesatuan Agama:

Sesungguhnya manusia hidup didalam dunia ini mestilah mempunyai pegangan. Pegangan yang dopakai untuk menjadikan dirinya itu haba' kepada sesuatu yang disembah guna mencari kebahagiaan hidup baik di dunia mahupun di akhirat. Pegangan itu ialah merupakan kepercayaan dan peraturan-peraturan hidup yang dilahirkan dengan amalan menjadi bentuk sebuah agama. Bererti orang yang tidak beragama, tidak ada pegangan dalam hidupnya.

Manusia perlu mempunyai agama, perlu mempunyai pegangan hidup dan tentunya pegangan yang benar-benar dapat menjamin kebahagiaan hidupnya baik di dunia mahupun di akhirat.

Dan kerana banyaknya agama didunia ini. Perlu diadakan penyatuan atau perikatan. Perlu diadakan kata sepakat yang mengandungi dasar ((tidak akan memperhambakan diri kepada sesiapa dan tidak akan menyerahkan bakti ke mana- mana. Melainkan kepada tuhan yang Maha Esa iaitu Allah))- sesuai dengan firman Allah yang berbunyi:

Qul yāahla al-kitābi ta 'ālaw ilā kalimatin sawāin baynanā wabaynakum an lā na 'buda illā Allāh walā nush 'rika bihi shayā 'n walā yattakhidha ba 'ḍunā ba 'ḍan arbāban min dūni Allāhi fāin tawallaw faqūlū ashhadū biannā mus 'limūna. (64 āli- 'imrān).²

Ertinya: ((Katakanlah (Ya Muhammad) Hai orang-orang ahli

kitab! Marilah kamu kepada ikatan serupa sesama kita iaitu, janganlah kita sembah melainkan Allah, jangan kita menyekutukannya kepada sesuatu apa pun, dan janganlah kita jadikan setengah (pihak) di antara kita tuhan selain Allah. Maka jika mereka berpaling, katakanlah kepada mereka: Saksikan oleh kamu bahawa kami orang-orang Islam.))

Jelasnya dalam ayat ini, kesatuan agama dalam islam ialah pengakuan seseorang itu terhadap adanya satu tuhan sahaja, tak ada tuhan selain Allah dan Muhammad itu utusanNya. Dengan pengakuannya demikian, menjadilah ia seorang muslim yang ertinya menyerahkan diri dan bakti kepada Allah, seorang Muslim yang menyerahkan segala-galanya untuk Allah - sesuai dengan ajaran Allah dan Rasulnya yang selalu kita ulang-ulang menyebutkannya sebagai pengakuan didalam sembahyang, pengakuan yang berbunyi:

Inna ṣalātī wanusukī wamaḥyāya wamamātī lillāhi rabbi al- 'ālamīn. Lā sharīka lahu wabidhālika umirtu waanā mina almus 'limīna.

Ertinya: ((Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku (kuserahkan) untuk Allah tuhan seru sekalian alam. Tak ada sekutu baginya, dan dengan demikianlah saya disuruh melakukannya, dan saya dari golongan kaum muslimin.))

Mudah-mudahan pengakuan ini tidak hanya di lidah sahaja, tetapi hendaklah dilahirkan supaya menjadi kenyataan. Buktikanlah wahai segenap kaum muslimin pengakuan itu dengan azam yang baharu, semangat dan jiwa yang baharu dalam masa kita mengalu-alukan tahun Hijrah 1383 yang baharu ini, Wabillahi taufik wal hidayah.

¹ Perkataan sebenar hamba

² Ayat asal: *Qul yāahla al-kitābi ta 'ālaw ilā kalimatin sawāin baynanā wabaynakum allā na 'buda illā Allāh walā nush 'rika bihi shayā 'n walā yattakhidha ba 'ḍunā ba 'ḍan arbāban min dūni Allāhi fāin tawallaw faqūlū ashhadū biannā mus 'limūna*